

Dr M ulas kejayaan BN di Sarawak

ALOR SETAR, Ahad — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad petang ini mensifatkan kemenangan cemerlang Barisan Nasional dalam pilihanraya umum Sarawak sebagai kejayaan menentang politik perkauman dan chauvinisma.

Katanya, kejayaan tersebut menunjukkan segala dasar Barisan Nasional diterima bulat-bulat oleh rakyat Sarawak.

Bellau memberitahu demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Lembaga Persatuan Pertubuhan Peladang MADA di Stadium Dato Syed Omar di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kemenangan itu juga menunjukkan usaha memecahbelahkan rakyat Sarawak yang dibawa oleh pemimpin DAP dari Semenanjung Malaysia tidak berjaya.

Bellau mengucapkan tahniah

dan shabas kepada rakyat Sarawak kerana menolak bulat-bulat politik DAP sebaliknya mengundi Barisan Nasional.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaacob kerana kejayaan pimpinannya.

Cerah

Pemangku Perdana Menteri itu yakin dengan kemenangan dan kejayaan itu masa depan Sarawak akan lebih cerah lagi.

Di samping itu bellau memberi jaminan Kerajaan Pusat akan memberi segala pertolongan yang diperlukan untuk pembangunan Sarawak.

Mengenal calon-calon bebas yang berjaya dalam pilihanraya tersebut, bellau menegaskan mereka tidak akan diterima masuk Barisan Nasional.

"Orang-orang yang menentang Barisan Nasional dan keluar bertanding sebagai calon bebas tidak dapat diterima oleh Barisan Na-

sional," katanya.

Bellau menegaskan "jika mereka diterima ini bererti bertentangan dengan konsep Barisan Nasional."

Mengulas kemenangan calon bebas itu bellau berkata, kemenangan itu hanya mencerminkan fikiran rakyat tempatan.

"Calon-calon tersebut menang kerana pengaruh dan kedudukan mereka di kawasan tersebut," katanya.

Terdahulu dari itu bellau berkata, Kerajaan Pusat akan memberikan bantuan subsidi \$4 juta lagi untuk digunakan membantu pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah.

Selain dari itu teganya banyak lagi bantuan akan diberikan oleh Kerajaan Pusat untuk memesatkan lagi pembangunan negeri ini.

Bellau menyeru rakyat negeri ini memberi sokongan penuh kepada Kerajaan bagi menjayakan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan demi kepentingan rakyat negeri itu.